

27/09/1999

Sikap suka bermusuhan merugikan negara

Mohd. Asmadi Abdullah

SEBAGAI sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, mengapakah masih ada lagi umat Islam yang bermusuhan sesama sendiri? Mengapakah ini terjadi pada umat Islam.

Marilah kita berfikir sejenak, tidak ada perkara yang lebih menyedihkan jika sebuah negara itu yang penduduknya majoriti beragama Islam masih bertikam lidah dan memfitnah sesama sendiri untuk menakluki dan memegang jawatan tertinggi dalam sesebuah negara.

Sebagai umat Islam kita tidak harus buntu fikiran hingga terpaksa menggunakan cara yang ditegah oleh agama untuk menguasai orang lain. Kita tahu bahawa Islam tidak pernah menggalakkan umatnya bertelagah dan bercakaran sesama sendiri, malah Islam menyuruh umatnya bersatu-padu mempertahankan kedaulatan negara daripada terus dijajah kuasa asing yang ingin memporakperandakan negara Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata bahawa negara Islam perlu menyelesaikan sesuatu masalah mereka di meja rundingan atau secara musyawarah untuk mengelakkan permusuhan berpanjangan. Baginya negara Islam yang diperintah oleh umat Islam perlulah menguatkan negara masing-masing mengikut arus kemajuan dunia, bukan betelagah, bertikam lidah dan menfitnah sesama sendiri.

Kita lihat di negara Islam yang lain seperti di Palestin, Bosnia, Iraq dan negara Teluk. Mereka bertelagah sesama sendiri untuk menakluki dan menguasai di antara satu sama lain. Kita dapat lihat sendiri sejarah peperangan yang melanda negara Teluk di sekitar tahun 1990-1992 khususnya membabitkan umat Islam. Peristiwa seperti ini adalah satu tamparan hebat kepada umat Islam dan ia perlu menjadi satu pengajaran kepada kita.

Petelingkahan itu sekali gus mengheret negara barat dan kuasa asing yang memang bertujuan menghancurkan dan memusnahkan keamanan dinikmati negara terbabit untuk campur tangan.

Perkara seperti ini sering kali menjadi bahan bualan di pelosok dunia. Kalau dilihat di negara kita khususnya Malaysia perbalahan dan pertelagahan sesama Islam juga berlaku. Kalau kita lihat di negara luar mereka bertelagah dengan menggunakan senjata canggih, tetapi di negara kita pertelagahan berlaku dengan menggunakan kepandaian dan kepetahan berpidato dihadapan penyokong masing-masing.

Sering terjadi juga di negara kita satu pihak memfitnah dan memburukkan satu pihak yang lain semata-mata mahu memancing undi dan mahu menerajui seluruh negara. Kerajaan Pusat yang diterajui kepimpinan yang berusaha gigih memajukan negara dan menegakkan syiar Islam sejak merdeka dituduh tidak betul.

Apakah mereka ini tidak mahu kepada kemajuan dan pembangunan? Dan apakah mereka suka dengan menfitnah dan memburukkan orang lain semata-mata untuk menerajui dan menguasai negara ini dengan tidak mengikut dasar kepimpinan yang ditunjukkan oleh pimpinan besar kita Nabi Muhammad SAW?

Apakah kita tidak perlu menjadikan sejarah kegemilangan pemerintahan dan empayar Islam sebagai contoh kepada kita untuk membentuk negara yang aman dan berdaulat.